

# PMFKAL anjur ceramah pelaburan di Dewan Kuliah 2, UMSKAL

UB 1-11.2019 5

**LABUAN:** Persatuan Mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (PMFKAL) menganjurkan ceramah pelaburan di Dewan Kuliah 2, UMSKAL sempena *5<sup>th</sup> Annual Stock Trading Competition 2019*, baru-baru ini.

Penganjur program menjemput dua penceramah iaitu Faiz Wahab dan Shane Choo.

Mereka adalah remisier yang berpengalaman dalam pasaran saham.

Shane Choo merupakan seorang penganalisis pasaran saham untuk CITYPlus FM manakala Faiz Wahab merupakan seorang wakil penasihat kewangan Islam di Bank Negara Malaysia dan juga wakil perancang kewangan di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Turut hadir ialah wakil daripada RHB Investment Bank dan Pengarah Program Tay Chu Xin.

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) Fakulti Kewangan

Antarabangsa Dr. Suzilah Sidek berkata ceramah pelaburan itu bertujuan meningkatkan pendekahan warga Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berkaitan pasaran saham.

Beliau yang juga penyelaras program berkata melalui ceramah pelaburan ini, para peserta dapat memperoleh pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tersebut.

"Selain itu, ceramah itu juga memanfaatkan para peserta dengan menawarkan kaedah dan strategi semasa membuat keputusan dalam pelaburan saham," katanya.

Kira-kira 95 peserta yang terdiri daripada staf akademik, pensyarah dan pelajar-pelajar dari UMSKAL menghadiri ceramah berkenaan yang bermula dari jam 10 pagi.

Ceramah pelaburan ini yang mendapat sambutan




**CENDERAMATA:** Dr. Suzilah menyampaikan cenderamata kepada Shane.

hangat daripada pelajar dan pensyarah berakhir dengan jayanya pada jam 12 tengah hari.

Ceramah berkenaan diakhiri dengan penyampaian cenderamata Timbalan

Dekan (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) Fakulti Kewangan Antarabangsa Dr. Suzilah Sidek yang juga penyelaras program kepada kedua-dua penceramah.



**ALBUM:** Dr. Suzilah (tiga kanan) dan penceramah bersama para peserta ceramah pelaburan.